

D700

U B146 A A B  
PEKERJA - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA GOLONGAN PEKERJA DAN KESATUAN-KESATUANNYA SUPAYA TERUS MENINGKATKAN PRODUKTIVITI AGAR LEBIH BANYAK KEMAJUAN DICAPAI DI SAMPING MEWUJUDKAN IKLIM PELABURAN YANG BAIK DI NEGARA INI.

DALAM PERUTUSANNYA SEMPENA HARI PEKERJA YANG AKAN DISAMBUT ESOK, PERDANA MENTERI BERKATA, PELABURAN, SAMA ADA DARI DALAM ATAU LUAR NEGERI, AKAN MENOLONG PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA DI SAMPING MENGATASI MASALAH PENGANGGURAN.

BELIAU BERKATA, GOLONGAN PEKERJA TIDAK SEHARUSNYA LEKA DENGAN TAHAP PEMULIHAN EKONOMI YANG TELAH DICAPAI SETAKAT INI KERANA BANYAK LAGI YANG PERLU DIUSAHAKAN UNTUK MENGUKUHKAN EKONOMI NEGARA.

+KINI EKONOMI NEGARA SEMAKIN BAIK. KEMELESETAN EKONOMI SERTA KESAN-KESANNYA YANG TELAH SAMA-SAMA KITA ALAMI HENDAKLAH DIJADIKAN TELADAN, + KATANYA.

JIKA EKONOMI NEGARA TERUS TUMBUH DENGAN PESAT DAN MALAYSIA MENJADI LEBIH MAJU DARI SEKARANG, TIDAK DAPAT TIDAK PARA PEKERJA AKAN MENDAPAT NIKMAT SECARA LANGSUNG DARIPADANYA TAMBAHNYA. -- LAGI.  
1515MST 30 04 89

0701

U 6147 A A B  
PEKERJA - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BELIAU MEMBERI CONTOH FAEDAH YANG DINIKMATI OLEH PARA PEKERJA DI JEPUN DAN NEGARA-NEGARA PERINDWSTRIAN BARU (NIC).

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERHARAP AGAR HUBUNGAN BAIK DAN KERJASAMA ANTARA KERAJAAN DENGAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA TERUS DITINGKATKAN DEMI KEBAIKAN NEGARA.

MENURUTNYA, HUBUNGAN MESRA DAN ERAT AKAN MEMBAWA KEPADA PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN EKONOMI YANG LEBIH PESAT SERTA MEMBERI MANFAAT KEPADA MASYARAKAT KESELURUHANNYA.

DI SAMPING ITU, BELIAU JUGA BERKATA PARA PEKERJA DAN MAJXXKAN HENDAKLAH MEWUJUDKAN HUBUNGAN YANG BAIK.

SAMBIL MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PEKERJA SEMPENA PERAYAAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA, PERAYAAN HARI PEKERJA MEMBUKTLKAN PENGIKTIRAFAN KEPAOA SUMBANGAN PARA PEKERJA DALAM KEMAJUAN NEGARA.

-- BERNAMA.

1516MST 30 04 89